

**ANALISA HUBUNGAN FAKTOR KERJASAMA DALAM PERNIAGAAN,
PERUSAHAAN LESTARI DAN PRESTASI PERNIAGAAN PENGUSAHA DESA
DALAM PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI**
(RELATIONSHIP ANALYSIS OF COOPERATIVE FACTORS IN BUSINESS, SUSTAINABLE
ENTERPRISE AND BUSINESS PERFORMANCE AMONG RURAL ENTREPRENEURS
IN ONE DISTRICT ONE INDUSTRY PROGRAM)

MUHAMMAD ABI SOFIAN ABDUL HALIM*, SHALADDIN MUDA DAN KHATIJAH OMAR

Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia.

**Corresponding author: abi.sofian@umt.edu.my*

Abstrak: Kuala Terengganu adalah sebuah daerah di Pantai Timur semenanjung Malaysia yang telah banyak memberi perhatian terhadap pembangunan perusahaan desa di sekitarnya. Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) adalah di antara pendekatan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan pendapatan perusahaan desa yang berasaskan kepada tanggungjawab bersama di dalam membina perniagaan yang baik dan lestari. Permasalahannya, kajian awal mendapati bahawa ramai di antara pengusaha desa yang tinggal di luar bandar kurang memberi tumpuan terhadap kepentingan konsep kerjasama dalam perniagaan mereka bagi membangunkan sebuah perusahaan desa SDSI yang berkonsepkan lestari ini. Malahan ada di antara mereka yang kurang memperlihatkan bahawa kesan kerjasama dan pendekatan lestari ini amatlah menyumbangkan kepada prestasi perniagaan mereka sendiri. Justeru itu, objektif kajian ini ialah meneliti hubungan kesan kerjasama dalam perniagaan terhadap pembangunan perusahaan lestari dan prestasi perniagaan dalam SDSI di Kuala Terengganu. Bagi mencapai objektif penyelidikan ini, kajian tinjauan melalui persampelan bertujuan telah dipilih untuk meninjau responden seramai 59 orang dari keseluruhan 2,249 populasi pengusaha desa di Kuala Terengganu. Pekali korelasi Pearson telah dipilih untuk menganalisa hubungan di antara kerjasama – pembangunan lestari (H1), pembangunan lestari – prestasi perniagaan (H2) dan Kerjasama – prestasi perniagaan (H3). Kajian mendapati bahawa pengusaha desa amat menitikberatkan kepada kepentingan kerjasama dan pembangunan perusahaan lestari didalam membangun prestasi perniagaan tetapi mereka masih kurang memberi perhatian terhadap kepentingan kerjasama di dalam membangun perusahaan lestari di kampung sendiri. Justeru itu, hasil kajian ini mendapati bahawa ramai pengusaha desa di bawah program SDSI ini tidak jelas berkenaan kepentingan kerjasama dan pembangunan lestari dalam membangunkan prestasi perniagaan mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam objektif asas SDSI ini. Sehubungan itu, kajian ini dapat memberi imput kepada pihak pentadbir SDSI di Kuala Terengganu untuk mempertingkatkan lagi kesedaran pengusaha desa terhadap kepentingan kerjasama di dalam membangunkan industri yang lestari dan sekaligus membangunkan lagi prestasi perniagaan pengusaha desa.

Kata kunci: Kerjasama dalam perniagaan, Prestasi perniagaan, Kelestarian, Satu Daerah Satu Industri, Pengusaha desa.

Abstract: Kuala Terengganu is a district which located in east-coast of peninsular Malaysia that given more attention toward the development of rural enterprises who are operating in surrounding area. One District One Industry Program (ODOI) that implemented by the state government is intended to increase the income of rural enterprises as well as creating mutual responsibility and contributed to the better and sustainable business. However, the preliminary studies have founded that most of rural entrepreneurs who are operating in rural areas are less attention toward the essential of cooperation concept in developing the sustainability concept in ODOI program. Even, some of them are not really impress to know the impact of collaboration and sustainability factors toward their business performance. Hence, the objective of this study is to examine the effect of business cooperation toward the development of sustainable enterprise and business

performance in SDSI in Kuala Terengganu. In order to achieve the objectives of this study, survey study through purposive sampling was selected to review 59 respondents from the total 2,249 rural entrepreneurs in Kuala Terengganu. The Pearson correlation coefficients was selected to analyze the relationship between cooperation - sustainable development (H1), sustainable development - business performance (H2) and cooperation - business performance (H3). This study was founded that most of rural entrepreneurs are concerned toward the importance of cooperation and sustainable development in developing their business performance, however, they are still lacking attentive toward the importance of cooperation in developing the sustainable development in their business. Hence, the findings of this study show that many rural entrepreneurs who are registered under ODOI program are not clearly understand the importance of cooperation and sustainable development factors in developing their business performance as well as highlighted in the objective of ODOI. As such, this study was able to imply the ODOI administrator in Kuala Terengganu to enhance the awareness of rural entrepreneur towards the importance of cooperation in developing sustainable industries and developing the business performance.

Keywords: Cooperation in business, Business performance, Sustainability, One District One Industry, Rural entrepreneur.


Pengenalan

Pada hari ini konsep kerjasama dan kelestarian telah banyak dibicarakan oleh para akademik, pembuat dasar, pentadbir awam, pelaku industri dan juga pengguna dalam kehidupan sehariannya. Bagi para akademik, konsep kerjasama dan kelestarian ini telah banyak dibincangkan dalam bilik kuliah, persidangan, seminar dan juga melalui perundingan dengan agensi luar yang terlibat sepenuhnya dengan dunia keusahawanan. Manakala para pelaku industri pula telah dan akan mengenal pasti beberapa perancangan dan pelaksanaan pendekatan hubungan sosial dalam perniagaan yang baik dalam industri untuk membangunkan sebuah perniagaan yang berprestasi tinggi. Justeru itu, konsep kerjasama dan kelestarian memainkan peranan yang penting untuk membangunkan sesebuah perniagaan yang baik, terutamanya perusahaan desa yang diusahakan oleh komuniti setempat (Gibson *et al.*, 2016; Torri, 20019). Menurut Natsuda *et al.* (2011), pendekatan kerjasama antara faktor yang perlu ditingkatkan dalam kalangan pengusaha desa melalui kesefahaman di antara satu sama lain, sikap bantu-membantu, toleransi dalam perniagaan, dan juga bersedia

untuk bersama-sama menghadapi masalah dalam perniagaan sosial. Manakala Gibson *et al.* (2016) pula menambah bahawa model perusahaan berasaskan-komuniti (*community-based enterprise*) adalah di antara pendekatan yang paling berkesan kepada pengusaha desa apabila hendak mewujudkan kerjasama dalam perniagaan. Sebagaimana pada Rajah 1, Torri (2009) juga bersetuju dengan pendapat ini yang mana beliau telah menyatakan bahawa kesan kerjasama pengusaha desa akan memberi kesan yang baik kepada pembangunan perusahaan lestari dan sekaligus menyumbang kepada prestasi perniagaan pada pengusaha itu sendiri.

Justeru itu, pendekatan kerjasama dalam perniagaan dan perusahaan lestari adalah di antara faktor yang memberi kesan yang baik terhadap pembangunan prestasi sesebuah perniagaan dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Fatimah Mohd Arshad & Mad Nasir Shamsudin (1997) telah mendapati dalam kajiannya bahawa pembangunan industri kecil dan sederhana memainkan peranan yang penting dan turut menyumbangkan kepada Kadar Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi sejak dua dekad yang lepas.

Rajah 1: Hubungan antara kerjasama, kelestarian dan prestasi perniagaan



Malahan beliau juga telah menyatakan bahawa program SDSI yang telah diadaptasikan dari *One Village One Product* di Oita Prefecture, Jepun adalah di antara program yang membantu kepada pengurusan setiap daerah di Malaysia untuk meningkatkan pendapatan pengusaha kecil luar bandar. Berasaskan kepada perkara inilah, objektif kajian ini telah dibangunkan untuk meneliti kesan pendekatan kerjasama dalam perniagaan terhadap pembangunan perusahaan lestari dan prestasi perniagaan dalam program Satu Daerah Satu Industri.

Latar Belakang Kajian

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah di antara perusahaan yang dibangunkan bagi mengatasi permasalahan dalam kalangan usahawan mikro, kecil dan sederhana yang dihadapinya sejak tahun diera 80-an lagi, seperti inflasi harga, perubahan struktur dan perubahan dalam trend perniagaan. Pada hari ini, pelbagai dasar dan program sama ada diperingkat kementerian, agensi dan juga kerajaan negeri telah dilaksanakan untuk menyemarakkan lagi PKS supaya selari dengan kejayaan perusahaan besar yang telah beroperasi di Malaysia. Bagi menyokong pencapaian matlamat negara untuk menjadikan sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 nanti, Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) adalah di antara program negara yang telah diperkasakan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan tahap keusahawanan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar. Pada hari ini SDSI adalah di antara pendekatan terkini yang dapat mengubah mobiliti sosial penduduk luar bandar melalui penggalakan perniagaan mereka yang berasaskan kepada sumber asli yang terdapat di kampung sendiri, menggunakan kemahiran penduduk kampung dalam membangunkan produk yang beridentiti sendiri dan juga berpotensi memasarkan produk kampung keperingkat antarabangsa (Radiah Abdul Kader *et al.*, 2009).

Sebagaimana pengalaman program *One Village One Product* (OVOP) di Jepun yang telah mula dipraktikkan sejak 1979, sebuah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi memantapkan jentera pelaksanaan Program SDSI di Malaysia. Pada tahun 2003, Unit Penyelarasan Pelaksanaan telah menggerakkan program SDSI ini kepada empat kluster produk utama, iaitu; kraftangan, makanan dan minuman, dan juga homestay dan perkhidmatan lain yang berasaskan kepada industri luar bandar. Kesungguhan pihak kerajaan dalam merealisasikan dasar ini, terdapat sebanyak 78 daerah dari keseluruhan daerah 134 yang telah menjalankan program SDSI ini (58%) di Malaysia pada tahun 2004 (Radiah Abd Kader *et al.*, 2009). Jangka masa yang baru setahun perlaksanaannya telah melibatkan seramai 1,420 usahawan desa dalam program SDSI ini (MECD, 2004). Sesungguhnya, pelaksanaan program SDSI ini selari dengan dasar kerajaan yang lain di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk membangunkan sosia-ekonomi di kawasan luar bandar, penglibatan penduduk desa dalam perniagaan tani di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membangunkan produk tempatan ke pasaran antarabangsa.

Program Satu Daerah Satu Industri di Kuala Terengganu

Pada tahun 1992, pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan telah melaksanakan Program Satu Daerah Satu Industri melalui Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6). Pada peringkat awal program ini dikenali sebagai Program Satu Kampung Satu Produk (SKSP) yang bermatlamatkan untuk membangunkan industri kecil-kecilan kraftangan dan produk-produk berasaskan makanan dan hasil pertanian. Bagi mengembangkan lagi penglibatan usahawan desa di dalam industri desanya sendiri, pihak kerajaan telah bersetuju untuk

memperluaskan dan mempelbagaikan lagi produk-produk desa yang dapat dihasilkan di kampungnya. Sebagaimana kejayaan konsep Satu Kampung Satu Produk (*One Village One Produk*) atau dikenali OVOP di Jepun dan juga *One Tambun One Produk* (OTOP) di Thailand ini, pihak kerajaan telah mempertingkatkan lagi konsep program ini kepada jenama baru iaitu Satu Kampung Satu Industri (SKSI) pada tahun 2002. Manakala pada tahun 2003, program SKSI ini telah diubah-suai kepada Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dengan asas pembangunan dan matlamat yang lebih luas iaitu dari segi tenaga manusia dan sumber yang berdaya maju serta berdaya tahan. Sesungguhnya, perkembangan program SDSI ini adalah contoh daripada kejayaan yang telah dilaksanakan di Jepun melalui program *One Village One Product* oleh Morihiko Hiramatsu, Gabenor di Oita Prefecture pada tahun 1979, *One Tambun One Product* di Thailand pada tahun 2001 dan *One Town One Product* di Filipina.

Sebagaimana di daerah lain, konsep SDSI di daerah Kuala Terengganu ini lebih berfokuskan kepada pembangunan satu atau dua produk atau perkhidmatan yang menjuruskan kepada produk tradisi yang beridentiti satu daerah dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat setempat. Seramai 2,249 orang usahawan tempatan di Kuala Terengganu yang telah berdaftar di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu sebagai peserta dalam program SDSI ini (Yayasan Pembangunan Usahawan, 2012). Pihak Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPUT) telah memberi penekanan kepada peningkatan pendapatan usahawan desa yang terlibat dalam SDSI ini berasaskan kepada sumber hasil bumi dan kemahiran pengusaha itu untuk menghasilkan produk yang bermutu dalam pasaran. Secara geologinya, kedudukan daerah Kuala Terengganu ini yang berhampiran dengan pesisir pantai Laut China Selatan telah menyumbang sumber bumi yang berasaskan kepada hasil laut dan juga ekologi di pesisir pantai di dalam membangunkan aktiviti sosio-ekonomi tempatan. Sesungguhnya, aktiviti ekonomi ini yang berdaya maju dapat mencipta

identiti daerah Kuala Terengganu yang tersendiri melalui pembangunan satu atau dua produk yang mempunyai nilai ekonomi serta berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat kerajaan negeri di dalam membangunkan SDSI ini, sebuah Jawatankuasa SDSI Peringkat Kebangsaan telah ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 8 Disember 2004 untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan Program SDSI ini. Melalui Arahan Pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri. Justeru, kerajaan negeri Terengganu telah melaksanakan segala arahan yang telah dikeluarkan oleh Jemaah Menteri. Bagi mencapai matlamat untuk membangunkan konsep kerjasama dan perusahaan lestari dalam perniagaan desa, pihak kerajaan negeri telah mematuhi beberapa syarat yang telah dikeluarkan, seperti peserta SDSI ini mestilah menggunakan sumber bahan tempatan secara ekonomik, bertanggungjawab untuk menyediakan peluang penambahan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk desa tempatan, dapat mewujudkan industri haluan dan hiliran, dan menggunakan sumber tenaga belia secara optimum.

Permasalahan Kajian

Menurut Ishak Yussof *et al.* (2011), sememangnya kejayaan prestasi perusahaan oleh usahawan Melayu berkait rapat dengan personaliti individu dalam keusahawanan. Manakala Radiah Abd Kader *et al.* (2009) pula menyatakan bahawa faktor bantuan kerajaan seperti latihan dan perkhidmatan tambahan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia merupakan faktor penentu terbaik yang menyumbangkan kepada kejayaan seseorang usahawan desa. Sebaliknya, bantuan kerajaan yang dilaksanakan ini telah membentuk sikap usahawan itu berusaha secara bersendirian tanpa mengadaptasikan kepentingan kerjasama dalam perniagaan mereka. Permasalahan ini telah mendapati bahawa ramai di antara pengusaha luar bandar Kuala Terengganu kurang memberi tumpuan terhadap kepentingan konsep kerjasama dalam perniagaan mereka

bagi membangunkan sebuah perusahaan desa yang lestari. Menurut Muhammad Abi Sofian Abd Halim *et al.* (2017), ramai di antara usahawan desa yang sedar terhadap kepentingan pendekatan lestari dalam perniagaan tetapi masalahnya mereka tidak berminat untuk dijadikan amalan ini dalam perniagaan mereka. Ini disebabkan oleh faktor perbelanjaan yang tinggi dalam perniagaan mereka. Justeru itu, ramai pengusaha desa di Kuala Terengganu tidak melihat keberkesanan pembangunan perusahaan lestari ini dalam perniagaan yang mendorong kepada peningkatan prestasi perniagaan mereka sendiri.

Sorotan Kajian

Konsep SDSI ini telah diadaptasikan dari proram *One Village One Product* (OVOP) oleh masyarakat terpencil Oyama, Oita di Jepun sejak 1961 lagi dan seterusnya telah dibangunkan oleh Morihiko Hiramatsu, Gabenor di Oita Prefecture pada tahun 1979. Kejayaan konsep OVOP ini telah menggambarkan bahawa masyarakat di Oita Prefecture sememangnya mempunyai perhubungan yang erat untuk bekerjasama di dalam membangunkan ekonomi setempat yang sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka sendiri secara bersama dalam pengeluaran dan pendedaran. Malahan mereka percaya bahawa melalui pembentukan kerjasama yang erat akan menyumbangkan kepada pembangunan perusahaan lestari dan seterusnya kepada prestasi perniagaan. Menurut Gibson *et al.* (2016) dan Torri (2009), model perusahaan berasaskan-komuniti (*community-based enterprise*) juga membincangkan bahawa sesebuah komuniti yang baik ialah mereka yang sentiasa bekerjasama demi membangunkan ekonomi setempat yang dapat dinikmati oleh komuniti tempatan secara bersama. Manakala Parilla (2013) turut menambah bahawa kejayaan sesebuah perusahaan desa itu amatlah bergantung kepada kesungguhan pengusaha itu untuk mengutilisasikan sumber tempatan secara maksimum dan dan menghasilkannya dengan kos yang rendah. Manakala Nguyen Thi Anh Thu (2013) turut menambah bahawa

pendekatan pentadbiran dari peringkat bawah kepada atasan (*bottom-up*) yang dipraktikkan oleh komuniti desa di Oita Prefecture ini untuk mengoptimumkan sumber mentah, tenaga kerja dan pengurusan yang baik telah menarik pihak kerajaan tempatan untuk membantunya dari aspek latihan, promosi, pemindahan teknologi, dan bantuan kewangan. Li & Schumann (2013) juga menyatakan bahawa pentadbiran perniagaan mereka secara berkumpulan telah memberi kekuatan dari aspek pengurusan perusahaan dan juga pengurusan untuk memasarkan produk mereka sendiri ke persada antarabangsa. Seterusnya dari perspektif sosio-budaya di Oita Prefecture pula, Nguyen Thi Anh Thu (2013) menyatakan bahawa konsep OVOP yang telah dibangunkan oleh Hiramatsu pada tahun 1979 telah memberi penekanan kepada tiga perkara utama yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat Jepun yang terlibat dalam OVOP ini, iaitu; berfikir secara global dan bertindak setempat (*Think Globally, Act Locally*), percaya kepada diri sendiri dan kreativiti (*Self-reliance and creativity*), dan pembangunan sumber manusia (*Human resource development*).

Semenjak tahun 2000, konsep OVOP telah mula berkembang di Asia Tenggara dengan objektif yang sama sebagaimana di Oita Prefecture untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan peluang pekerjaan dan juga mempertingkatkan lagi pendapatan penduduk luar bandar (Li & Schumann, 2013). Bagi merealisasikan matlamat ini, kebanyakan negara di Asia Tenggara masih berpegang kepada tiga prinsip utama sebagaimana dalam konsep OVOP ini. Malahan kesemua negara ini juga ingin meningkatkan usaha sama sesama pengusaha desa demi merealisasikan pembangunan perusahaan lestari dan juga membina prestasi perniagaan yang baik. Jadual 1 dibawah memaparkan negara di Asia Tenggara yang telah melaksanakan program yang sama dengan OVOP ini.


Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian ini, tiga hipotesis telah dibangunkan untuk menjalankan

Jadual 1: Bilangan negara di Asia Tenggara yang menjalankan program OVOP

Bil.	Program		Negara
1	One Tambun One Product	OTOP	Thailand
2	One Town One Product	OTOP	Philippines
	One Barangay One Product	OBOP	
3	Ning Muang Ning Phalittaphan	NMNP	Laos
4	Satu Daerah Satu Industri	SDSI	Malaysia
5	One Province One Product	OPOT	Cambodia
6	Satu Daerah Satu Industri	SDSI	Malaysia
7	One Province One Product	OPOT	Cambodia

Rajah 2: Kerangka konsep kajian kesan hubungan kerjasama, perusahaan lestari dan prestasi perniagaan



kajian hubungan antara tiga pemboleh ubah di bawah program SDSI iaitu kerjasama pengusaha desa, pembangunan perusahaan lestari dan prestasi perniagaan, di antara hipotesisnya ialah;

H1: Terdapat peningkatan pada pembangunan perusahaan lestari apabila kerjasama di antara pengusaha desa dapat dilaksanakan.

H2: Terdapat peningkatan pada prestasi perniagaan apabila pembangunan perusahaan lestari dapat dilaksanakan dengan jayanya.

H3: Terdapat peningkatan pada prestasis perniagaan apabila kerjasama di antara pengusaha desa dapat dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Kerangka konsep pada Rajah 2 di bawah menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah sebagaimana yang dinyatakan pada hipotesis.

Metodologi

Keseluruhannya, kajian ini mengkaji kesan kerjasama oleh pengusaha desa terhadap pembangunan perusahaan lestari di kampungnya dan prestasi perniagaan mereka sebagai peserta dalam program SDSI di Kuala Terengganu. Sebagaimana yang telah nyatakan oleh Bahagian SDSI di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, terdapat lima kategori industri di bawah program SDSI di peringkat negeri Terengganu, iaitu; produk yang berasaskan makanan dan minuman, pakaian, kraftangan dan cenderamata, herba perubatan tambahan dan perhiasan dalaman. Kesemunya ini merangkumi seramai 2,249 orang usahawan yang berdaftar sebagai peserta dalam SDSI daerah Kuala Terengganu di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (Yayasan Pembangunan Usahawan, 2012).

Bagi menjayakan penyelidikan ini, kajian tinjauan melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di bawah persampelan bukan keberangkalian (*non-probability sampling*) telah dipilih untuk meninjau seramai 59 orang

reponden yang merangkumi 8 buah kampung di sekitar daerah Kuala Terengganu. Seterusnya, Pearson pekali korelasi telah dipilih untuk menganalisis hubungan di antara pemboleh ubah kerjasama – pembangunan lestari (H1), pembangunan lestari – prestasi perniagaan (H2) dan Kerjasama – prestasi perniagaan (H3).

Memandangkan kajian ini dijalankan secara tinjauan melalui edaran soal selidik kepada responden, soal selidik berstruktur telah dibina untuk mengumpul data berkenaan. Instrumen kajian ini merangkumi empat bahagian utama, iaitu; (1) demografi dan profil perniagaan, (2) Kerjasama pengusaha desa, (3) Pembangunan pengusaha lestari dan (4) Prestasi perniagaan. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur sejauh mana pandangan responden terhadap variable yang dibangunkan itu melalui skala; 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak bersetuju, 3 = neutral, 4 = bersetuju, dan 5 = sangat setuju. Seterusnya, pendekatan kuantitatif digunakan untuk analisis melalui penggunaan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) 21.0 versi yang mengukur hubungan di antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, analisis deskriptif juga turut digunakan untuk menganalisis profil perniagaan.

Analisa dan Perbincangan

Berkenaan profil perniagaan usahawan desa di Kuala Terengganu, Jadual 2 dibawah memaparkan empat item yang membincangkan profil perniagaan secara deskriptif yang dilihat dari sudut frekuensi dan peratusan. Pada item kluster produk, kraftangan adalah di antara penyumbang utama kepada bilangan penyertaan usahawan dalam SDSI di Terengganu yang seramai 28 orang pengusaha (47.4%). Diikuti oleh sector pelancongan (22.0%), makanan dan minuman (16.9%), kosmetik (8.4%) dan pakaian (5.1%). Manakala pada item jangka masa perniagaan pula, sebanyak 35.5% yang telah terlibat dalam perniagaan kurang dari 5 tahun, 30.6% adalah mereka yang telah menjalankan perniagaan didalam lingkungan 6 – 10 tahun, 16 25.8% dari usahawan SDSI yang beroperasi dalam lingkungan 11 – 15 tahun, dan hanya 3.2% sahaja yang telah berniaga dalam lingkungan 16 – 20 tahun. Menariknya, tiada seorang responden pun yang telah menjalankan perniagaan mereka melebihi dari 21 tahun.

Seterusnya pada item jenis perniagaan pula, kajian mendapati bahawa kesemua responden hanya menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sahaja, dimana peratusan menunjukkan 88.7% adalah berdaftar sebagai

Jadual 2: Profil perniagaan usahawan dalam program SDSI di Kuala Terengganu

	Frequency	(%)		Frequency	(%)
Kluster Produk			Jangka masa Perniagaan		
Makanan & Minuman	10	16.9	Kurang 5 tahun	22	35.5
Pakaian	3	5.1	6 – 10 tahun	19	30.62
Kraftangan	28	47.4	11 – 15 tahun	16	25.8
Kosmetik	5	8.4	16 – 20 tahun	2	3.2
Pelancongan	13	22.0	Melebihi 21 tahun	0	0
Jenis Perniagaan			Modal		
Persendirian	55	88.7	Kurang RM50,000	29	46.8
Perkongsian	3	4.8	RM50,000 – RM250,000	23	37.1
Sendirian Berhad	1	1.6	RM250,001 – RM1,000,000	7	11.3

Jadual 3: Keputusan korelasi antara pemboleh ubah

		Kerjasama Pengusaha Desa	Perusahaan Lestari	Prestasi Perniagaan
Kerjasama Pengusaha Desa	Pekali korelasi	1	-.164	.442**
	Signifikan		.108	.000
	N	59	59	59
Perusahaan Lestari	Pekali korelasi	1	-.164	.442**
	Pekali korelasi	-.164	1	.603**
	Signifikan	.108		.000
Prestasi Perniagaan	N	59	59	59
	Signifikan	.000	.000	
	N	59	59	59

peniaga persendirian, 4.8% yang menjalankan perniagaan secara perkongsian dan 1.6% yang telah berjalan secara syarikat sendiri berhad. Berkenaan dengan modal yang dibiayai oleh SDSI ini memaparkan bahawa usahawan yang bermodalkan kurang dari RM50,000 adalah paling ramai program SDSI ini (46.8%), diikuti dengan usahawan bermodalkan antara RM50,001 – RM250,000 (37.1%) dan melebihi RM250,001 (11.3%).

Seterusnya, Jadual 3 di bawah membincangkan keputusan tiga hipotesis yang telah dicadangkan dalam pelan kajian ini untuk meneliti hubungan tiga pemboleh ubah utama iaitu di antara pemboleh ubah kerjasama dalam perniagaan, perusahaan lestari dan prestasi perniagaan. Berdasarkan kepada H1, keputusan melalui analisis pekali korelasi Pearson mendapati bahawa pemboleh ubah kerjasama pengusaha desa tidak memberi keputusan yang signifikan terhadap perhubungannya dengan pembangunan perusahaan lestari ($p=0.108$). Malahan nilai pekali korelasi yang lemah ini hanya memaparkan nilai (r) pada $-.164$ sahaja. Keputusan H1 yang tidak signifikan ini menolak pendapat Gibson *et al.* (2016) dan Torri (2009) yang menyatakan bahawa pembangunan kerjasama amat penting untuk membangun perusahaan yang lestari.

Seterusnya, H2 pula mendapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah perusahaan lestari dengan prestasi perniagaan memberi keputusan yang signifikan ($p=0.000$) dengan nilai pekali korelasi yang sederhana ($r=0.603$). Keputusan ini mendapati bahawa pengusaha desa di bawah SDSI Kuala Terengganu memberi perhatian terhadap kepentingan perusahaan yang lestari di dalam membangunkan prestasi perniagaan dengan baik. Keputusan ini juga menyokong kepada sorotan karya sebelum ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Parilla (2013). Beliau amat memberi perhatian yang tinggi terhadap pengurusan sumber alam dan juga modal insan di dalam membentuk perniagaan yang baik.

Manakala pada H3 pula mendapati bahawa korelasi di antara kerjasama pengusaha desa dengan prestasi perniagaan memberi keputusan yang signifikan ($p=0.000$) tetapi nilai pekali korelasinya adalah rendah ($r=0.442$). Keputusan ini juga mendapati bahawa sememangnya pendapat pengusaha desa dibawah program SDSI Kuala Terengganu telah mengakui bahawa pendekatan kerjasama yang baik dapat menyumbang kepada prestasi perniagaan yang baik. Jawapan ini juga selari dengan sorotan karya sebelum ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Li & Schumann (2013) dan Nguyen Thi Anh Thu (2013).

Kesimpulan dan Cadangan

Sememangnya, Kuala Terengganu adalah sebuah daerah di Pantai Timur semenanjung Malaysia yang telah memberi tumpuan terhadap pembangunan usahawan kecil dan sederhana, terutama pengusaha yang terlibat dalam program SDSI. Permasalahannya, ramai pengusaha desa di daerah Kuala Terengganu yang beroperasi di luar bandar ini kurang memberi tumpuan terhadap kepentingan konsep kerjasama dalam perniagaan mereka bagi membangunkan sebuah perusahaan desa yang lestari ini. Malahan ada di antara mereka yang kurang memperlihatkan bahawa kesan kerjasama dan pendekatan lestari ini amatlah menyumbangkan kepada prestasi perniagaan mereka sendiri. Sesungguhnya, pendekatan ini amatlah berlainan dengan konsep perusahaan berasaskan komuniti sebagaimana yang telah dilaksanakan dalam model *One Village One Product* di Jepun dan juga *One Tambun One Product* di Thailand. Penemuan kajian ini juga mendapati bahawa hubungan di antara pemboleh ubah kerjasama, pembangunan perusahaan lestari dan prestasi perniagaan sebagaimana yang dipraktikkan di Jepun dan Thailand tidak begitu memberangsangkan usahawan SDSI Kuala Terengganu untuk merelisasikan dalam perniagaan mereka. Sesungguhnya, konsep perusahaan berasaskan-komuniti ini tidak begitu menarik perhatian kepada usaawan SDSI Kuala Terengganu dalam membangunkan perniagaan mereka.

Justeru itu, untuk membentuk kesedaran dan amalan terhadap kepentingan pembangunan lestari dalam perniagaan pengusaha desa ini, pihak pentadbir dan juga agensi yang bertanggungjawab perlulah membentuk satu perancangan yang dapat membentuk nilai kesedaran yang tinggi di kalangan pengusaha desa terhadap kepentingan kerjasama dan dalam industri mikro dan kecil ini. Malahan pembinaan nilai, sikap, dan juga pengetahuan dalam budaya Melayu adalah di antara pendekatan yang terbaik untuk membangunkan kesedaran dalam kalangan pengusaha desa yang sekaligus dapat menyumbangkan kepada amalan kerjasama dalam perniagaan secara khusus dan program

SDSI keseluruhannya.

Rujukan

- Fatimah Mohd Arshad & Mad Nasir Shamsudin. (1997). Rural development model in Malaysia. Retrieved August 23, Website: <http://wwwecon.upm.my/~faimah/rural.pdf>
- Gibson, K., McWilliam, A., McKay, D., & Hil, A.I. (2016). Community Partnering for Local Development. <http://communitypartnering.info/acknowledgements34.html>
- Ishak Yussof, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi & Mohd Shukri Hajinoor. (2011). Faktor Keusahawanan dan Prestasi Kejayaan Usahawan Melayu di Pulau Langkawi, Kedah. Prosiding Perkem Vi, Jilid 2 (2011) 196-207 ISSN: 2231-962X.
- Li, N., & Schumann, R. (2013). The One Village One Product (OVOP) Model and Economic Development on Guam. *Journal of Economics and Economic Education Research*, 14(3): 21-34.
- MECD. (16 September 2004). One District One Industry. Unpublished report.
- Muhammad Abi Sofian Abd Halim, Zuha Rosufila Abu Hasan & Noor Fadhiha Mokhtar. (2017). Usahawan di Pinggir Tasik Kenyir. Monograf Penerbit UMT, Malaysia.
- Natsuda, K., Igusa, K., Wiboonpongse, A., Cheamuangphan, A., Shingkharat, S., & Thoburn, J. (2011). One Village One Product - Rural Development Strategy in Asia: the Case of OTOP in Thailand, RCAPS Working Paper No. 11-3
- Nguyen Thi Anh Thu. (2013). One Village One Product (OVOP) in Japan to One Tambon One Product (OTOP) in Thailand: Lessons for Grass Root Development in Developing Countries. *Journal of Social and Development Sciences*, 4(12): 529-537.
- Parilla.E.S (2013). Economic Promotion through One-Town One Product. *International Journal of Academic Research in Business*

- and Social Sciences*, 3(7): 532-545.
- Radiant (2008). Background, Definition and Characteristics of SME in Malaysia.
- Radiah Abdul Kader, Mohd Rosli Bin Mohamad & Ab. Azid Hj. Che Ibrahim. (2009). Success Factors for Small Rural Entrepreneurs under the One-District-One-Industry Programme in Malaysia. *Contemporary Management Research*, 5(2): 147-162.
- Torri, M. C. (2009). Community Entrepreneurship Among Lower Castes in India: A Grassroots Contribution Toward Poverty Alleviation and Rural Development Under Conditions of Adversity and Environmental Uncertainty. *Journal of Development Entrepreneurship*, 14(4): 413-432. <http://dx.doi.org/10.1142/S1084946709001338>.
- Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu. (2012). *Direktori Usahawan Terengganu: Satu Daerah Satu Industri*.